

18 MAR 1997

Muhammad-Tanah

PEJABAT TANAH DIARAH TOLAK PERMOHONAN MAJU TANAH LAPANG YANG DIKHAASKAN

SHAH ALAM, 18 Mac (Bernama) -- Semua Pejabat Tanah daerah di Selangor diarah menolak terus sebarang permohonan untuk memajukan tanah lapang di kawasan perumahan yang dikhaaskan untuk tapak rekreasi atau kegunaan khusus seperti tapak sekolah atau masjid.

Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib hari ini berkata arahan itu dikeluarkan mesyuarat Exco negeri Rabu lepas berikutan berlakunya kekeliruan apabila tanah lapang yang diwartakan untuk kegunaan tertentu dipohon oleh pihak lain untuk dimajukan dengan projek cadangan mereka.

"Ini bertujuan mengelakkan kes orang lain memohon tanah kosong yang telah diwartakan untuk tujuan lain, yang kadang-kala kita tidak sengaja menluluskannya selepas diproses," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Beliau mengakui sebelum ini berlaku kes kesilapan seperti itu termasuk di satu kawasan di Petaling Jaya, yang dipenuhi dengan gerai, tetapi dipohon oleh sebuah syarikat untuk dimajukan dan permohonan itu kemudian terpaksa ditolak setelah menyedari kesilapan itu.

Permohonan seperti itu sepatutnya ditolak terus oleh Pejabat Tanah daerah tanpa perlu memanjangkannya ke Pejabat Tanah dan Galian dan juga mesyuarat Exco, katanya.

Muhammad berkata semua Pejabat Tanah daerah juga diminta mengenal pasti pewartaan yang telah dibuat bagi setiap tanah kosong di kawasan mereka dan menyerahkan tanah itu kepada jabatan berkenaan untuk dikendalikan.

Beliau memberi contoh jika satu kawasan kosong diwartakan untuk balai polis, ia harus diserahkan kepada polis dan jika untuk tapak klinik, ia perlu diserahkan kepada Jabatan Kesihatan dan Perubatan.

Sementara itu, ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Kerajaan Negeri tidak terlalu berkira dalam meluluskan permohonan industri besar termasuk mengenakan syarat ketat dan kadar premium tanah yang tinggi, Muhammad berkata prinsip itu memang tepat.

Beliau berkata Selangor sendiri menggalakkan industri besar dimajukan di sesuatu kawasan baru dengan tujuan ia menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi bagi kawasan sekitarnya yang memberikan faedah jangka panjang untuk rakyat dan negeri.

"Kita bersetuju bahawa perlu ada satu projek perindustrian besar yang boleh merencanakan pertumbuhan ekonomi bagi sesuatu kawasan," tambahnya. --

BERNAMA

MNY NAK